

'Tolong sabar sementara waktu'

Masalah rumah pam dapat perhatian pihak bertanggungjawab

SUNGAI BESAR - Penduduk khasnya petani diminta bersabar sementara pihak bertanggungjawab melaksanakan penambahbaikan terhadap rumah pam yang didakwa tidak beroperasi di Parit 5 Gambut, di sini.

Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Sabak Bernam, Herman Tawil berkata, pihaknya mengendali projek itu pada fasa pertama.

Menurutnya, pihaknya meminta bantuan IADA Barat Laut Selangor membantu menguruskan pemasangan elektrik dengan kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"IADA bertindak untuk menguruskan keseluruhan perjalanan projek rumah pam berkenaan ketika fasa kedua dilaksanakan.

"Pada peringkat awal rumah pam berkenaan menghadapi masalah bekalan elektrik bagi membantu operasi rumah pam berkenaan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, masalah itu dapat diatasi selepas TNB membantu menyalurkan bekalan elektrik ke rumah pam terbabit bagi meneruskan operasi untuk menyalurkan air kepada petani di sekitar kawasan berkenaan.

Namun begitu katanya, bekalan elektrik yang disalurkan tersebut didapati tidak mencukupi untuk meneruskan operasi rumah pam terbabit selepas menjalankan beberapa pemerhatian ke atas rumah pam berkenaan.

"Keadaan ini menyebabkan rumah pam berkenaan masih tidak dapat digunakan ber-



"IADA bertindak untuk menguruskan keseluruhan perjalanan projek rumah pam berkenaan ketika fasa kedua dilaksanakan."

Herman



Rumah pam di Parit 5 Gambut tidak mempunyai bekalan elektrik mencukupi bagi meneruskan operasi sejak dibina kira-kira tujuh tahun lalu.

dapat bekalan elektrik yang mencukupi.

"Petani diharap bersabar buat sementara waktu dan dapat menggunakan pam mudah alih ini sementara perbincangan dijalankan IADA bersama TNB bagi menyelesaikan perkara ini," katanya.

Sinar Harian 8 Disember lalu, melaporkan mengenai sebilangan petani di Parit 4

yang mengalami kesukaran bagi menguruskan tanaman padi mereka berikutan rumah pam berkenaan tidak beroperasi sejak dibina tujuh tahun lalu.

Difahamkan, penduduk mendakwa rumah pam berkenaan ditinggalkan dan tidak digunakan bagi menyalurkan air kepada kebanyakan petani di kawasan itu.